

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERKIM KALI KE- 49

KANGAR 25 Jun 2010. - Lebih kurang 300 orang telah berhimpun di Hotel Putra Palace disini bagi bagi menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Perkim kali ke 49 serta meluluskan aktiviti dakwah, kebajikan, pendidikan dan kewangan Perkim serta membenteng usul perkara-perkara berbangkit. Mesyuarat tersebut juga bertujuan untuk meluluskan akaun tahun berakhir 31 Disember 2009, anggaran pendapatan dan perbelanjaan Perkim 2011.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia merangkap Yang Dipertua Perkim, Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dalam ucapan dasarnya, Y.A.Bhg. Tun mahukan Daulah Islamiah yang mempamerkan kecekapan, keadilan, kesaksamaan, kejayaan, amanah dan semua yang positif pada kehidupan manusia. Kunci intipati ucapan YDP PERKIM itu menyimpulkan, "Tanpa mempamerkan kejayaan orang Islam, sukar buat pendakwah untuk

meyakinkan orang bukan Islam mendengar dan mendekati PERKIM yang ingin memperkatakan Islam itu baik buat mereka. Sifat-sifat murni dan akhlak mulia yang ditonjolkan oleh Rasulullah S.A.W adalah suatu gambaran contoh dimana ianya dapat menawan hati musuh-musuh Baginda sehingga menerima dan memeluk Islam"

"Amalan yang dituntut seperti berbudi baik, adil, bertimbang rasa,



Mereka hadir yang terdiri daripada Ahli Majlis Kebangsaan, Perwakilan dan Pemerhati dari Bahagian dan Cawangan Perkim seluruh Malaysia. Tidak ketinggalan juga badan-badan gabungan Perkim seperti Harakah Islamiah Malaysia (Hikmah), Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia), Persatuan Cina Islam Malaysia (Macma), sukarelawan Perkim dan ahli Kelab Perkim Universiti turut serta pada mesyuarat tersebut.



Dari M/S 1

TENAGA REDAKSI

PENAUNG:

Y.Bhg. Prof Emeritus Dato' Dr. Ariffin Suhaimi
(Pengerusi JKDP)

PENASIHAT:

Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman
Dato' Hasan Arifin
(Pengerusi JKP)

SIDANG PENGARANG:

Dato' A. Rashid Omar
Ir. Dr. Hj. Muhammad Fuad Yeoh
Datin Mawanchik Che Jais

PENGARANG:

Firdaus Lokman Tah

PENOLONG PENGARANG:

Ishak Othman
Mohd Syahril Rosdi Ahmad Zahudi

PENERBIT:

Urus Setia PERKIM Kebangsaan,
Ting. 4, Bangunan PERKIM, 150
Jln. Ipoh, 51000 Kuala Lumpur.

☎ : 03-4042 6224
☎ : 03-4042 7403
✉ : info@perkim.net.my

<http://www.perkim.net.my>

INFO SEJARAH



✳ **377 H / 987 M**
Masjid Cordova
Dibina

✳ **437 H / 1046 M**
Paus (Pope) Urban
II memulakan
perang salib
pertama



Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir sedang membuang kertas undi sambil diperhatikan oleh Tuan Haji Abd. Hanif Harun, Pengerusi jawatan kuasa pemilihan dan kiraan undi.

berilmu, bersih tubuh badan dan bersederhana dalam tindakan perlu diutamakan. Sebaliknya semua yang bertentangan dengan yang diatas akan menjejaskan usaha dakwah PERKIM", tambah nya.

Pada perhimpunan mesyuarat kali ini, turut diadakan pemilihan baru bagi jawatan-jawatan penting di dalam keanggotaan Perkim bagi tahun 2010-2013, iaitu jawatan Yang DiPertua, Naib-Naib Yang DiPertua dan Ahli Majlis Kebangsaan. Bagi jawatan Yang DiPertua masih lagi disandang oleh Tun Dr. Mahathir yang menang tanpa bertanding. Manakala bagi jawatan Naib Yang DiPertua, Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim yang telah mendapat undi paling tinggi, diikuti Dato' Prof. Emr. Dr. Ariffin Suhaimi, Tan Sri Dato' Sri Abd. Rashid Abd. Rahman dan Dato'



Y.Bhg. Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim Naib Yang DiPertua Perkim menyerahkan cek berjumlah RM 50,000.00 kepada Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mustapha Ma. Seramai 14 orang Ahli Majlis Kebangsaan yang baru telah pilih, diketuai oleh Ustaz Mohamad Farid Ravi.

Pada malam sebelumnya telah diadakan Majlis Makan Malam bersama Yang Dipertua untuk mengeratkan silaturahim ramah mesra di antara warga Perkim dan Yang Dipertua. Turut hadir, isteri Yang Dipertua Perkim, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Turut mengambil kesempatan di dalam perhimpunan tersebut, Y.Bhg. Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim Naib Yang DiPertua Perkim telah menyumbang cek berjumlah RM 50,000.00 kepada Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad yang juga selaku Yang Dipertua Perdana Global Peace Organisation dalam membantu saudara Islam di Palestin.

KANDUNGAN

• MESYURAT AGUNG TAHUNAN PERKIM KALI KE- 49	1-2	• PERKIM ANJUR MOTIVASI INSAN CEMERLANG	10-11
• 70 SERTAI SAHABAT PERKIM	3-5	• PERKIM ANJUR PROGRAM TAUTAN KASIH	12-14
• DATIN MARIAM SERAH RUMAH UNTUK MUALLAF	6-7	• PERKIM MELAKA TUBUH CAWANGAN BARU	15
• MAHASISWA KUIS DEKATI ORANG ASLI PULAU INDAH	7-8	• JADUAL PERANCANGAN AKTIVITI PERKIM KEBANGSAAN BULAN OGOS 2010	16
• MAJLIS PENYAMPAIAN ZAKAT TELEKOM MALAYSIA ANJURAN PERKIM CAWANGAN SENTUL TIMUR WILAYAH PERSEKUTUAN.	9		

70 SERTAI SAHABAT PERKIM

BERITA PERKIM

Oleh : MOHD. SYAHRIL ROSDI AHMAD ZAHUDI

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)". (Al-Maeda, ayat 1)

Sejajar dengan misi dan visi untuk menjadi pertubuhan penggerak dakwah terunggul bagi menyokong institusi Islam di Malaysia dan antarabangsa, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kebangsaan mengajurkan Pelancaran "Sahabat Perkim" di Hotel Grand Pacific pada 20 Jun lalu. Program tersebut menghimpunkan 70 peserta terdiri dari saudara Muslim kaum India, Cina, Iban, Kadazan, Filipina, Indonesia dan mahasiswa Kelab Perkim Universiti.

Penyelaras Program, Hj. Amran Abdullah berkata, seminar itu dianjurkan bertujuan memberikan ilmu khidmat masyarakat kepada sukarelawan di dalam pembabitan aktiviti dakwah, kebajikan dan pendidikan. "Ia juga memberi kefahaman kepada sukarelawan yang sanggup berkorban apa sahaja dengan sepenuh hati, usaha, kreativiti dan inovasi demi menyebarkan dakwah, kebajikan dan pendidikan ke jalan Allah S.W.T serta tidak mengharapkan apa jua bentuk balasan," katanya.

"Sahabat Perkim diwujudkan sebagai penggerak dalam



Muhammad Bronson Abdullah (dua dari kanan) mengetuai perbincangan bahagian kebajikan Sahabat Perkim.

penyampaian misi dakwah khususnya pada masyarakat Malaysia serta ianya meningkatkan kesedaran kepada masyarakat bahawa tanggungjawab dakwah bukan terletak pada pihak tertentu," jelas Amran. Hj. Amran yang juga selaku Pegawai Dakwah Perkim berkata, dengan penglibatan sukarelawan dalam Sahabat Perkim ianya secara langsung membantu meringankan beban kakitangan Perkim dalam menjalankan kerja-kerja dakwah, kebajikan dan pendidikan saudara Muslim demi menegakkan syiar

Islamiah sekaligus dapat menghubungkan dengan rangkaian seperti Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam atau Pejabat Agama Islam.

"Ia juga dapat membantu Perkim dalam menangani gejala murtad dan permasalahan yang sering berlaku kepada saudara Muslim dengan pemantauan dan ziarah susulan sejajar dengan konsep 1 Muslim, Dakwah Didahulukan Saudara Muslim Diutamakan" jelas Amran. "Antara program sukarelawan yang akan dilakukan oleh Sahabat Perkim ialah ziarah saudara muslim, ziarah hospital, ziarah orang asli, bantuan kewangan, bantuan



Dari kiri, Saadon Saad, Tunku Datin Hjh. Noor Hayati Tunku Abdul Rahman dan Hj. Abdul Hanif Harundalam Sesi Perkongsian Sukarelawan.

Lihat M/S 4



Dari M/S3



Tunku Datin Hjh Noor Hayati Tunku Abdul Rahman (berdiri) mengetuai perbincangan Bahagian Bimbingan dan Sokongan Sahabat Perkim.

kecemasan dan rumah perlindungan," ujar Hj. Amran.

Taklimat Sahabat Perkim telah disampaikan oleh Ketua Unit Kebajikan dan Hal Ehwal Sosial Perkim, Suariza@Hidayah Muhammad. Dalam taklimat itu peserta telah dibahagikan mengikut bahagian Sahabat Perkim antaranya ialah pentadbiran dan organisasi, bimbingan dan sokongan, perundangan dan kaunseling, kebajikan dan khidmat pengurusan kewangan.

Disusuli pula dengan forum Perkongsian Khidmat Sukarelawan yang disampaikan oleh Ahli Majlis Kebangsaan Perkim, Tunku Datin Hjh. Noor Hayati Tunku Abdul Rahman dan jurutera Saadon Saad serta dipengerusikan oleh Pengarah Dakwah Perkim, Hj. Abdul Hanif Harun. Untuk menjadi sukarelawan di kalangan pendakwah yang berjaya, Ciri-ciri dan Jati diri Sahabat Perkim menjadi tajuk ceramah yang disampaikan oleh Ahli Majlis Kebangsaan Perkim, Hj. Muhammad Fitri Abdullah. Ucapan perasmian penutup disampaikan oleh Penolong



Hj. Muhammad Fitri Abdullah selaku Ahli Majlis Kebangsaan Perkim menyampaikan ceramahnya bertajuk Ciri-ciri Sahabat Perkim.

Setiausaha Agung Perkim, Datuk Hj. Hasbullah L. Isa.

Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah kepada sukarelawan yang telah menawarkan diri untuk memenuhi hasrat Perkim dengan kesungguhan dan peningkatan bagi memantapkan kerja dakwah serta tidak hanya menumpukan sahaja kepada saudara Muslim kerana kerja dakwah adalah tugas semua individu.

Hj. Hasbullah menegaskan agar Sahabat Perkim mengambil

peranan di atas gejala yang tidak sihat antaranya isu pembuangan bayi, najis dadah, ketagihan arak, samseng jalanan, kelab malam dan berdisko di kalangan mudamudi. Ini adalah penting bagi menyelamatkan belia negara dari gejala yang tidak bermoral. Menurutnya, Perkim mempunyai manhaj dan metodologi tersendiri dalam berdakwah atas dasar kalimah tauhid bagi menyatupadukan hati dan menegakkan kalimah Allah S.W.T. Beliau turut menyampaikan replika kad dan vest Sahabat Perkim kepada Hjh. Puteh Kalsom Shamsuddin tanda pelancaran Sahabat Perkim yang pertama. Hjh. Puteh



Hj. Hasbullah (kanan) merasmikan Pelancaran Sahabat Perkim dengan menyampaikan replika kad Sahabat Perkim kepada peserta pertama, Hjh. Puteh Kalsom Shamsuddin.

PERKIM MENGAMBIL PERANAN DI ATAS GEJALA YANG TIDAK SIHAT ANTARANYA ISU PEMBUANGAN BAYI, NAJIS DADAH, KETAGIHAN ARAK, SAMSENG JALANAN, KELAB MALAM DAN BERDISKO DI KALANGAN MUDAMUDI.

Dari M/S 4

telah menjadi sukarelawan Perkim sejak 1985 sehingga sekarang.

Beliau juga mengalu-alukan para Sahabat Perkim, saudara Muslim dan masyarakat menghadiri Konvensyen Saudara Muslim sempena Hari Perkim ke 50 yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Hj. Abdul Razak pada 6 November nanti. Turut hadir ialah Pegawai Dakwah Perkim, Muhammad Farhan Tee Abdullah.



APA KATA MEREKA



Norhashimah Lai Abdullah, 49: Program ini menerapkan sifat berbakti dan beramal jariah kepada golongan yang memerlukan dalam diri sukarelawan. Beliau juga merasai kenikmatan dan ketenangan jiwa yang tak terhingga dalam menjalankan aktiviti-aktiviti amal jariah yang dilakukan sebelum ini. Harapan beliau agar Perkim mengadakan bengkel teori dan praktikal sukarelawan dakwah Orang Asli serta bengkel pemulihan bagi remaja bermasalah.



Nurul Ain Afifah Sabri, 22: Ahli Kelab Perkim KUIS berkata, dengan program seumpama ini beliau sebagai pelajar dapat menimba ilmu dalam sesi perkongsian bersama peserta. Ianya menyemai budaya masyarakat prihatin dan semat sukarelawan dalam segenap lapisan masyarakat Malaysia. Perkim perlu mengadakan aktiviti bengkel berdakwah kepada bukan Islam dan bengkel ziarah hospital.

Hj. Firdaus Tamil Maran Abdullah, 45: Kad dan vest Sahabat Perkim yang diberikan adalah sebagai untuk membantu Perkim dalam menjalankan aktiviti dakwah, kebajikan dan pendidikan kepada saudara Muslim, bukan Muslim, warga tua, ibu tunggal, fakir miskin dan pesakit. Beliau yang juga bekas pelajar Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) berhasrat mengatur dengan beberapa kariah masjid dan surau kawasan Ampang untuk memantau dan membuat susulan kepada saudara Muslim.



Antara 70 peserta bergambar selepas Pelancaran Sahabat Perkim.

BERITA PERKIM

DATIN MARIAM SERAH RUMAH UNTUK MUALLAF

Oleh: NAZHATUL AIN HISAMUDIN

"Dan berbuat baiklah kamu mudah-mudahan kamu akan memperoleh kejayaan." (Al-Haji, ayat 77)

Islam adalah addin yang menganjurkan kebaikan dan menyeru setiap manusia melakukan amal kebajikan kepada sesiapa sahaja tanpa mengenal bangsa, darjat dan keturunan. Keikhlasan dalam melakukan sesuatu perkara kerana Allah s.w.t. adalah sifat terpuji yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian. Seajar dengan matlamat tersebut, Perkim Kebangsaan telah mengadakan majlis doa selamat di Rumah Perlindungan Perkim, Gombak pada 18 Jun yang lalu. Majlis yang diadakan ini bertujuan mendoakan keselamatan penghuninya dan sebagai tanda kesyukuran atas sumbangan sebuah rumah teres yang diberikan oleh Datin Mariam Buyong.

Menurut Datin Mariam, beliau sudah lama berhajat untuk menyumbangkan sebuah rumah kepada pihak Perkim. Melalui sumbangan yang diberikan, sekurang-kurangnya dapat membantu saudara muslim yang memerlukan tempat tinggal. Menurut anaknya, Dr. Mohd. Shahrizal Mohd Diah, rumah yang diwakafkan kepada pihak Perkim itu merupakan wasiat daripada arwah ayahnya. Beliau berharap agar rumah perlindungan yang terletak di kawasan Gombak tersebut dapat dijaga dengan baik oleh penghuni-penghuninya.

"Saya berasa bersyukur kerana akhirnya dapat menunaikan permintaan arwah ayah.



Datin Mariam Buyong (kanan) turut hadir pada majlis doa selamat.



Rumah perlindungan Perkim di Gombak.

Sumbangan yang tidak seberapa ini diharapkan dapat mengurangkan bebanan saudara muslim yang masih mencari tempat untuk berteduh." jelas Shahrizal. "Semoga dengan kerja kebajikan yang dilakukan ini mendapat keredhaan Allah. Secara tidak langsung ini adalah peluang bagi kami sekeluarga berbakti pada jalan Allah s.w.t." katanya. Penolong Setiausaha Perkim Kebangsaan, Datuk Hasbullah L. Isa berkata, Perkim berasa terharu dan berterima kasih atas sumbangan yang diberikan. "Perkim sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan golongan yang memerlukan bantuan.

Dengan adanya rumah ini, saudara muslim yang merempat akan ditempatkan di sini dan dilindungi sebaik yang mungkin." kata Datuk Hasbullah.

"Rumah adalah aset yang sangat penting sebagai tempat berlindung dan berteduh. Fenomena yang berlaku hari ini dilihat ramai saudara muslim

yang terabai dan tiada arah tuju kerana tiada tempat untuk berlindung terutama setelah diusir oleh keluarga." jelasnya. "Melalui sumbangan rumah yang diberikan ini, kami di pihak Perkim akan memberi bimbingan seperti mengajar asas-asas Fardhu Ain kepada setiap penghuninya. Rumah perlindungan ini bukan sahaja dijadikan tempat tinggal semata-mata tetapi sebagai pusat mempelajari ilmu agama bagi penghuni-penghuninya," ujarnya lagi.

Nor Azlin Abdullah dan Siti Sarah Phang Abdullah ditempatkan di rumah tersebut untuk sementara

Lihat M/S 7

AKTIVITI

MAHASISWA KUIS DEKATI ORANG ASLI PULAU INDAH

Oleh: MOHD. SYAHRIL ROSDI AHMAD ZAHUDI

“Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: Khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka”. (An-Nur, ayat 54)

Seramai 40 ahli Kelab Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mendapat pengalaman baru mengenali kehidupan masyarakat pedalaman ketika menyertai program Kembara Asli Siri 3 di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Selangor pada 18 hingga 20 Jun lalu. Program selama tiga



Acara menggosok gigi untuk kanak-kanak.

hari itu, biarpun singkat tetapi cukup bermakna apabila peserta berpeluang merasai pengalaman hidup di kawasan tersebut. Ia anjuran Bahagian Pembangunan Insan (BPI), Pejabat Agama Islam Daerah Klang, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Perkim Kebangsaan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Angkatan Belia Malaysia (ABIM) Selangor dan Kelab Perkim Kuis.

Menurut Ketua Unit Kebajikan dan Hal Ehwal Sosial Perkim, Suariza Hidayah Muhammad, mereka dapat melihat dari dekat

kehidupan masyarakat Asli serta menyelami sendiri kegiatan penduduk kampung terabit. Katanya, program tersebut setidaknya-tidaknya mampu menerapkan semula penduduk kampung dengan dakwah yang berkesan bersama mahasiswa. Menurut beliau, pendekatan Kelab Perkim Kuis menziarah ke perkampungan Orang Asli harus dijadikan agenda utama supaya keimanan dan keyakinan mereka terhadap Islam dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa walaupun hanya sebilangan sahaja penduduk di sini memeluk Islam.



Tekun... kanak-kanak memberi tumpuan dalam aktiviti mewarna.

Lihat M/S 8

Dari M/S 6

waktu dan memudahkan mereka ke kelas harian Perkim di Jalan Ipoh bagi mempelajari ilmu agama Islam. Turut hadir ialah Pengarah Dakwah Perkim, Hj. Abdul Hanif Harun dan isteri, Hj. Puteh Kalsom Shamsudin, Pegawai Dakwah, Muhammad Farhan Tee Abdullah dan Suariza Muhammad, sukarelawan Perkim, Badrul Hisyam Mohd. Yusof, Aminurrashid Ismail, Jamilatun Noor Hashim dan Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan serta pelajar praktikum Perkim, Widad Mat Ali.



Sukarelawan Perkim, Aminurrashid Ismail (kiri) mengetuai bacaan doa selamat. Turut kelihatan Datuk Hasbullah (tengah) dan Hj. Hanif Harun (kanan).



Antara pegawai dan sukarelawan Perkim turut menghadiri majlis tahlil dan doa selamat.

Dari M/S7

"Kini masyarakat Orang Asli sudah jauh berbeza. Mereka juga tidak terlepas dalam usaha pembangunan negara sama ada dari segi perkembangan infrastruktur dan pendidikan" jelas Suariza. "Malah usaha dakwah antara badan-badan Islam secara berterusan dan pemantauan yang teratur daripada penggerak masyarakat, sedikit sebanyak membawa perubahan pemikiran dan hala tuju masyarakat Islam orang Asli," kata Suariza.

Kesempatan itu juga membolehkan mereka memupuk persaudaraan dengan penduduk kampung terbabit selain beramah mesera dengan kanak-kanak dan warga tua melalui aktiviti yang dirancang. Di samping itu, bagi mengeratkan lagi kemesraan, mahasiswa dan penganjur di bawa berkunjung ke seluruh perkampungan masyarakat Orang Asli Pulau Indah. Di sini mereka bertanya khabar dan memberi sumbangan hamper berbentuk makanan asasi yang turut disampaikan oleh

mahasiswa Kelab PERKIM KUIS.

Selain itu, diadakan aktiviti sukaneka untuk kanak-kanak membabitkan beberapa acara seperti mencari gula dalam tepung, karom, belon air, selain boling kelapa dan perlawanan sepak takraw untuk dewasa. Juga diadakan aktiviti mewarna, memberus gigi, kraftangan daun kelapa dan gotong-royong. Penat mencurahkan bakti dan menimba pengalaman waktu siang, malamnya pula berlangsung tayangan multimedia bertajuk Muhammad the Messenger dan acara kebudayaan tarian Orang Asli. Sementara itu, Tok Batin Pulau Indah, Intan Pindik, 50, berkata, masyarakat Orang Asli di sini adalah dari suku kaum Mah Meri yang membawa maksud orang hutan. Mereka juga dikenali sebagai orang laut kerana mereka tinggal berhampiran dengan laut dan bekerja sebagai nelayan. Menurut Intan, selama ini Suku Mah Meri menjalani kehidupan mereka sepenuhnya di atas sampan yang beratapkan daun nipah dengan mencari

hasil laut dan sungai sebagai sumber rezeki. Antara makanan kegemaran mereka ialah ikan siakap, petanda, gelama, senangin, bawal, siput sedut, siput bawang, siput peluru dan siput batu. Mereka juga akan ke darat untuk tujuan bersewang dan mengambil hasil tanaman ubi kayu, keladi dan keledak.

Dengan adanya program muhibbah dan kerjasama positif dipamerkan oleh mahasiswa tersebut, adik-adik angkat menanam hasrat ingin mencapai cita-citanya ke menara gading seperti mereka. "ujar Intan. Majlis diserikan lagi dengan perasmian penutup dan hadiah pemenang sukaneka disampaikan oleh Penolong Pegawai Bahagian Pembangunan Insan (BPI), Pejabat Agama Islam Daerah Klang, Ahmad Fauzi Siva Abdullah. Turut hadir, Pegawai Dakwah Perkim Kebangsaan, Muhammad Farhan Tee Abdullah serta sukarelawan Perkim Badrul Hisyam Mohd. Yusof, Aminuddin Ismail dan Siti Munirah Syed Mohd. Hamdan.

Pertandingan sepak takraw.



Aktiviti permainan boling kelapa bagi kategori dewasa wanita.



Salah seorang penduduk kampung menghasilkan kraftangan dari daun kelapa.



Permainan karom oleh kanak-kanak kampung.

Salah seorang mahasiswa (kanan) yang menyertai program menyerahkan hamper berbentuk makanan kepada ayah angkatnya sumbangan dari Bahagian Pembangunan Insan.



MAJLIS PENYAMPAIAN ZAKAT TELEKOM MALAYSIA ANJURAN PERKIM CAWANGAN SENTUL TIMUR WILAYAH PERSEKUTUAN.

BBertempat Tingkat 1, Balai Islam, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, PERKIM Cawangan Sentul Timur telah menganjurkan satu majlis penyampaian zakat Telekom Malaysia bersama-sama Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia Kuala Lumpur (BAKIT KL) pada 19 Jun 2010. Ini adalah kali kedua, PERKIM cawangan Sentul Timur mengadakan majlis seumpama ini. Seramai 54 orang Asnaf yang terdiri daripada fakir

miskin, penuntut Universiti Al-Azhar Mesir dan saudara baru telah menerima sumbangan zakat sebanyak RM300.00 seorang.

Majlis telah disempurnakan oleh Encik Hassan Unir, Yang Dipertua BAKIT KL, dengan diiringi oleh beberapa AJK BAKIT KL. PERKIM cawangan Sentul Timur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada BAKIT KL diatas usaha murni yang dilakukan ini demi

menunaikan rukun Islam yang terjalin diantara badan korporat dan NGO sedikit sebanyak dapat meringankan beban golongan masyarakat yang benar-benar memerlukan bantuan.

Bagi penerima zakat yang uzur dan tidak dapat hadir ke majlis ini, sumbangan zakat disampaikan di rumah Naib Pengerusi PERKIM cawangan Sentul Timur, Puan Zaminah Marzuki

Gambar-gambar di sekitar majlis penyampaian zakat



Encik Hassan Unir sedang menyampaikan ucapan aluan



Sesi tazkirah oleh Ustaz Marzuki



Taklimat oleh Tuan Hj Ismail Yahya, AJK BAKIT KL



Encik Hassan Unir menyampaikan sumbangan zakat kepada penerima

PERKIM ANJUR MOTIVASI INSAN CEMERLANG

Oleh: NAZHATUL AIN HISAMUDIN

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukur kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)." (Al-Lukman, ayat 14).

Anak-anak pada hari ini merupakan pemangkin dan peneraju negara di masa hadapan. Mereka adalah anugerah Allah s.w.t. yang perlu dicorakkan agar dapat mencapai keperibadian yang mulia dan sempurna. Kehidupan yang berlandaskan keimanan dan ketakwaan mampu melahirkan generasi umat Islam sebagai insan cemerlang di dunia dan akhirat.

Sejajar dengan itu, sempena cuti sekolah pihak Perkim Kebangsaan sekali lagi telah menganjurkan program Motivasi Insan cemerlang bertempat di Kem Alang Manja, Gombak. Program ini mendapat kerjasama dari Surau Darussalam, Taman Melati, Gombak dan Sedayu Event Management. Motivasi yang diadakan pada 15 hingga 17 Jun yang lalu berjaya menarik seramai 85 peserta. Para peserta terdiri di kalangan pelajar usia 8 hingga 15 tahun dari sekolah rendah dan menengah yang bakal menduduki Ujian Pendidikan Sekolah Rendah (UPSR) dan



Peserta menumpukan perhatian pada sesi taklimat.

Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Penyelaras Program, Muhammad Farhan Tee Abdullah berkata, program motivasi yang dianjurkan pada kali ini lebih menumpukan kepada aspek pembentukan akidah dan kerohanian anak-anak agar dapat menjadi insan yang mulia. Menurutnya lagi, melihat kepada tingkahlaku anak-anak sekarang jauh berbeza berbanding dengan zaman dahulu. Anak-anak mudah mencemuh ibu bapa dan tidak menghormati orang tua bukanlah perkara asing yang kerap berlaku dewasa kini.



Salah seorang peserta mengikut arahan dalam aktiviti Matlamat dan Hala Tuju.



Aktiviti riadah di air terjun.

"Pendekatan menerusi program motivasi yang dianjurkan ini setidaknya-tidaknya mampu mengubah persepsi songsang anak-anak kepada mencintai, menyayangi dan mengasihi ibu bapa sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah s.w.t." jelas Farhan. Beliau yang juga Pegawai Dakwah Perkim berkata, kecemerlangan seseorang itu perlu diukur sejauh mana mereka mempraktikkan nilai agama, diri dan estetika dalam kehidupan. Jelasnya lagi, pembentukan insan kamil adalah bermula dari awal pendidikan anak-anak itu sendiri.

Lihat M/S 11

Dari M/S 10

"Dalam melahirkan generasi yang gemilang, kehebatan anak-anak tidak hanya dinilai menerusi kejayaan akademik semata-mata tetapi perlu seimbang menerusi pembentukan sahsiah. Secara tidak langsung, aspek keagamaan seperti solat dan adab yang sopan dapat diserapkan dalam diri anak-anak sekaligus akan terus menjadi punca kekuatan kecemerlangan mereka" kata Farhan.

Selama tiga hari program berlangsung, pelbagai aktiviti berjaya dilakukan. Antaranya ialah Latihan Dalam Kumpulan (LDK) seperti matlamat dan hala



Peserta meredah sungai dalam aktiviti jelajah hutan.

tuju, pembinaan pasukan, ta'aruf dan tetapan minda. Program ini juga turut membabitkan aktiviti seperti tazkirah selepas setiap waktu solat dan qiamullail sebagai cara menarik minat anak-anak mendekati diri kepada Allah s.w.t.

Program yang terdiri daripada 48 peserta lelaki dan 37 peserta perempuan ini telah dikendalikan oleh Abdul Hafiz Abdul Bar selaku ketua fasilitator dari Sedayu Event Management dan turut dibantu oleh 9 orang fasilitator terlatih. Pelbagai slot disajikan sebagai pengisian program termasuklah peranan manusia di muka bumi, mencari keredhaan Allah, Allah sumber



Antara peserta tidak dapat menahan kesedihan dalam aktiviti Aspirasi S.T.E.P.

inspirasi, khalimah syahadah dan aspirasi S.T.E.P yang berjaya meruntun jiwa peserta dalam bermuhasabah diri dan mencapai matlamat keseimbangan kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Aktiviti ketahanan fizikal dan mental seperti explorace dan penjelajahan hutan turut dilakukan bagi membina kekentalan peserta mengharungi pelbagai cabaran meredah hutan, sungai dan terowong gelap disamping melahirkan sikap kerjasama dalam berpasukan. Program Motivasi Insan Cemerlang ini

telah dirasmikan oleh Datuk Hasbullah L. Isa, Penolong Setiausaha Kehormat Perkim. Menurutnya, sekalung tahniah dan penghargaan harus diberikan kepada urusetia Surau Darussalam, Taman Melati kerana sentiasa bersedia dan memberi komitmen menganjurkan program sebegini. "Usaha bersungguh-sungguh yang dipamerkan ini perlu diteladani sebagai lanagkah permulaan mendidik anak-anak menjadi insan yang soleh dan solehah."

"Diharapkan segala ilmu dan pengetahuan yang dilalui anak-



Hasbullah menyampaikan hamper kepada wakil pemenang kumpulan.

Dalam melahirkan generasi yang gemilang, kehebatan anak-anak tidak hanya dinilai menerusi kejayaan akademik semata-mata tetapi perlu seimbang menerusi pembentukan sahsiah.

PERKIM ANJUR PROGRAM TAUTAN KASIH

Oleh : MOHD. SYAHRIL ROSDI AHMAD ZAHUDI

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir". (Ar-Rum, ayat 21)

Sudah menjadi fitrah bahawa Allah menciptakan semua makhluknya berpasangan dan semua manusia telah ditetapkan jodohnya bergantung kepada usaha serta ikhtiar seseorang itu. Setiap ketentuan itu menjadi mutlak (sudah menjadi ketentuan Allah), kita sebagai manusia hanya dapat menerimanya



Antara 60 hadirin yang hadir di majlis tersebut.

adengan takdir atau ikhtiar atau dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Baru-baru ini, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kebangsaan menganjurkan program Tautan Kasih Saudara Muslim bertempat di Hotel Putra, Kuala Lumpur pada 29 Jun lalu.

Program itu dihadiri 60 saudara muslim yang terdiri daripada kaum Cina, India, Filipina, Indonesia, Arab dan Yaman. Menurut Riwayat Ibnu Majah, Janganlah mengahwini wanita-wanita kerana kecantikan. Mungkin kecantikan itu



Peserta muslimin yang hadir.

memburukkan hidup. Jangan mengahwini mereka kerana harta, mungkin harta itu menyebabkan kezaliman mereka. Tetapi kahwinilah mereka atas dasar agama walaupun wanita itu berkulit gelap dan berbibir tebal kerana



Antara peserta tautan kasih yang hadir pada malam itu.

Lihat M/S 13

Dari M/S 11

anak sepanjang motivasi ini dapat dimanfaatkan sebaik yang mungkin untuk diamalkan dan dipraktikkan dalam konteks memakmurkan surau dan masjid." jelas Hasbullah. Turut hadir ialah Setiausaha Surau Darussalam, Hj. Hasan Pilus Hj. Basri, Penasihat Modul Sedayu Event Management, Mohd Azizan Yunus, Ketua Jurulatih, Ustaz Muhd. Anwar Idris, ketua urus setia, Muhammad Ammar Zainal Abidin dan sukarelawan Perkim, Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan.



Warga Perkim bergambar kenangan bersama fasilitator dan peserta Program Insan Cemerlang.

Dari M/S 12



Majlis Makan Malam Tautan Kasih.

yang beragama adalah lebih baik. Menurut Penyelaras Program, Suariza Hidayah Muhammad, program ini merupakan satu kaedah menghimpunkan ahli kelab cari jodoh Perkim untuk beramah mesra di samping merapatkan silaturrahim sekaligus mengenali dengan lebih rapat di antara mereka. "Program yang murni ini membantu mereka yang berhasrat mendirikan rumahtangga dengan calon yang sesuai dan layak, sekufu dan sefikrah. Di antara ciri-ciri yang menjadi impian mereka adalah kerana agama, kecantikan, harta dan kekayaan," kata Suariza.

Suariza yang juga Ketua Unit Kebajikan dan Hal Ehwal Sosial berkata, perhimpunan yang julung kali diadakan ini sedikit

sebanyak memberi kesan positif kepada mereka dalam aktiviti taaruf berkumpulan, mengenali pasangan, cara hidup pasangan dan sebagainya. Harapan beliau agar ianya menjadi pemangkin di dalam mewujudkan satu sistem pencarian jodoh dalam bentuk realiti di mana pasangan akan saling mengenali dan seterusnya mendirikan masjid dengan beberapa aktiviti dan susulan program yang dijalankan kelak. Program tersebut diserikan dengan

ucapan ilmiah yang disampaikan oleh Pengerusi Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Dato' Mustapha Abdul Rahman. Dalam ucapannya, beliau menyarankan agar dalam menjalin kemesraan antara satu sama lain, perlu menjaga adab dan batas-batas pergaulan supaya tidak melanggar syariat Islam.

Jelasnya lagi, Islam telah menetapkan peraturan-



Sesi aktiviti taaruf pasangan kelab cari jodoh Perkim.



Pengerusi majlis menemubual pasangan dalam aktiviti mengenali cara hidup pasangan.

Keluarga mesti disusun dan dikawal oleh rasa tanggungjawab dan menghormati nilai-nilai akhlak Islamiah. Rasa tanggungjawab dan menghormati nilai-nilai akhlak itu hanya akan subur di kalangan orang-orang yang mempunyai kesedaran agama.

Dari M/S13

-peraturan dalam perkahwinan dan perjalanan keluarga dengan sempurna. Kesempurnaan undang-undang yang mengawal perjalanan keluarga tidak mencukupi bagi menjamin ketenteraman sesebuah keluarga. Keluarga mesti disusun dan dikawal oleh rasa tanggungjawab dan menghormati nilai-nilai akhlak Islamiah. Rasa tanggungjawab dan menghormati nilai-nilai akhlak itu hanya akan subur di kalangan orang-orang yang mempunyai kesedaran agama.

"Kesedaran keagamaan yang terpenting ialah apabila seseorang itu sentiasa mengingati Allah S.W.T. dan takut kepada-Nya. Kesedaran ini merupakan kawalan berkesan untuk seseorang mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan," jelas Mustapha. Beliau juga menekankan kewajipan isteri, amanah dan tanggungjawab suami, meningkatkan pengetahuan agama, sahsiah

Kesedaran keagamaan yang terpenting ialah apabila seseorang itu sentiasa mengingati Allah S.W.T. dan takut kepada-Nya. Kesedaran ini merupakan kawalan berkesan untuk seseorang mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.



Ketua Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Hj. Abdul Rahman Hj. Yusof (kanan) menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada peserta.

dan ilmu pengetahuan ke arah melahirkan insan berkualiti. Majlis itu diserikan lagi dengan perasmian penutup dan penyampaian hadiah cabutan bertuah kepada peserta oleh Naib Yang Dipertua Perkim, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ariffin Suhaimi. Turut hadir ialah Ahli Majlis Kebangsaan Perkim, Tunku Datin Noor Hayati Tunku Abdul Rahman, P. Setiausaha

Agung Perkim, Datuk Hj. Hasbullah L. Isa, Pengarah Dakwah Perkim, Hj. Abdul Hanif Harun, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Hj. Abdul Rahman Hj. Yusof dan sukarelawan Perkim.



Dato' Ariffin Suhaimi (tengah) menyampaikan cenderamata kenang-kenangan kepada Mustapha (kanan) sambil disaksikan oleh Datuk Hasbullah (kiri).

BERITA PERKIM

PERKIM MELAKA TUBUH CAWANGAN BARU

Melalui keazaman yang bersungguh-sungguh, sebuah jawatankuasa penaja untuk menubuhkan cawangan baru PERKIM di kawasan KLEBANG, Melaka telah berjaya ditubuhkan dengan matlamat untuk menjayakan lebih banyak gerakan dakwah di samping membantu aktiviti kebajikan yang sentiasa dianjurkan oleh PERKIM di negeri Melaka khususnya.

Melalui mesyuarat pertama kali jawatankuasa penaja cawangan itu, seramai 10 orang ahli jawatankuasa penaja telah dipilih sebulat suara yang diketuai oleh En. Abd.Aziz bin Haji Othman (Mantan - Ketua Penghulu Negeri Melaka) yang begitu aktif dalam beberapa badan sukarela, persatuan, politik yang juga memimpin beberapa buah Koperasi di negeri Melaka khasnya.

Turut terpilih sebagai jawatankuasa penaja cawangan berkenaan ialah Sidang Hamzah Ibrahim selaku Naib Pengerusi, Rosni Sahab (Setiausaha), Zainon Kadir (Bendahari), manakala Imam Hj.Dahari Ahmad, Abd.Rahman Osman, Sardi Hj.Mahorm, Kamariah Salim, Mohd Khalid Jaafar dan Jais Dolah sebagai Ahli Jawatankuasa Penaja bagi cawangan berkenaan.

Turut hadir dalam mesyuarat penubuhan cawangan yang ke 21 itu ialah Y. Bhg. Datuk Hj. Abd. Wahab Abd.Jalil (Setiausaha Kehormat PERKIM Bahagian Melaka) dan Puan Rukiah Sungip (Pegawai Dakwah PERKIM Melaka) serta

beberapa jemputan lain yang telah bersetuju menjadi ahli apabila PERKIM Cawangan Klebang Melaka ini berjaya diluluskan nanti.

YBHG Datuk Hj. Abd. Wahab Abd. Jalil dalam ucapan dan taklimat ringkas beliau tentang kebaikan penubuhan cawangan PERKIM yang baru ini, amat yakin dan optimis bahawa gerakerja PERKIM dibawah kepimpinan Penghulu Aziz Hj.Othman akan lebih menyerlah nanti berdasarkan pengalaman beliau bersahabat baik dengan tokoh ini. Walau bagaimanapun, beliau menasihatkan semua ahli jawatankuasa yang dipilih serta sesiapa juga yang akan menjadi ahli PERKIM di cawangan yang baru ditubuhkan ini, biarlah ikhlas menyokong aktiviti yang akan



Tuan H. A. AZMAN Pengerusi Penaja Perkim Cawangan Klebang Besar

dijalankan nanti agar matlamat sebenar perjuangan PERKIM kita akan lebih cemerlang lagi di mata masyarakat.



Mesyuarat AJK penaja yang turut dihadiri oleh Y.Bhg Datuk Setiausaha Kehormat dan Pegawai-Pegawai Dakwah Perkim Bahagian Melaka



Selamat
Menyambut Bulan
Ramadhan 1431
Dari PERKIM



JADUAL PERANCANGAN AKTIVITI PERKIM KEBANGSAAN BULAN OGOS 2010

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1.	5-7 Ogos	Program Khidmat Masyarakat Penduduk Kg. Tiruk	Terangganu Darul Iman
2.	6-8 Ogos	Program Metodologi Dakwah Cina	Pengkalan Balak Melaka.
3.	8 Ogos	Kembara Menghayati Ciptaan Allah (II)	Masjid Negara, Kuala Lumpur.
4.	11 Ogos	Program Ihya' Ramadhan 1-30 Ramadhan 1431 H	Ibu Pejabat PERKIM K.Lumpur
5.	15 Ogos	Program Nur Ramadhan Bersama OKU	Dewan Wawasan M.A.B Brickfields, Kuala Lumpur.
6.	20 Ogos.	Lailatul Sakinah Bersama Warga PERKIM	Surau Perkim Jalan Ipoh K.L.
7.	27 Ogos	Tadarus Bersempena Nuzul AlQuran	Surau Perkim Jalan Ipoh K.L.
8.	28 Ogos	Majlis Sumbangan Aidilfitri Bersama Saudara Muslim	Surau Perkim Jalan Ipoh K.L.

*Demi Masa,
seungguhnya manusia
itu dalam kerugian
kecuali
orang-orang yang
beriman
dan beramal solah
dan mereka pula
berpesan-pesan
dengan kebenaran
serta berpesan-pesan
dengan kesabaran.
(Al-'Asr : Ayat 1-3)*

Sebarang Aktiviti Tertakluk Kepada Perubahan. Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi Ibu Pejabat PERKIM Kebangsaan, Kuala Lumpur.

7 & 8 /2010

